

Empat negara sertai debat bahasa Arab

SEKALI lagi Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menjadi tuan rumah pertandingan Debat Bahasa Arab Institusi Pengajian Tinggi Asean kali ketiga, baru-baru ini.

Pertandingan di kampus Usim di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan itu menyaksikan 20 pasukan dari empat negara Asean mengambil bahagian iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei Darussalam.

Dalam kenyataannya, Usim berkata, pemilihan itu satu penghormatan dalam memartabatkan institusi itu ke peringkat lebih tinggi selain memperjuangkan keagungan bahasa Arab.

Menurutnya, sebagai universiti yang menjadikan bahasa itu sebagai bahasa komunikasi utama, pengajuran ini diharap dapat menjadikannya sebagai salah satu bahasa global.

"Pertandingan ini medium terbaik mahasiswa mencahni kebolehan berkomunikasi seterusnya mewujudkan kerjasama intelektual antara



PLATFORM...debat IPT Asean platform menjalin kerjasama di samping memperjuangkan keagungan bahasa Arab.

IPT Asean terbabit.

"Ia juga wadah membentuk keberanian, bakat dan keyakinan diri di samping mewujudkan semangat perpaduan antara satu sama lain selain pertukaran budaya akademik," katanya.

Pertandingan kali ketiga itu mendapat kerjasama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (Madum) dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Mahasiswa peringkat diploma dan ijazah sarjana muda yang menyertai pertandingan berdebat mengenai pelbagai isu semasa

demi meningkatkan pemikiran secara kreatif dan kritis.

Bertemakan 'Membudayakan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ilmu dan Diplomasi', majlis perasmian disempurnakan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr Mashitah Ibrahim. Johan membawa pulang wang tunai RM5,000, piala pusingan, piala iirngan dan sijil penghargaan manakala naib johan meraih RM3,000 manakala pendebat terbaik mendapat RM1,500.